

KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

HASiL/2025/03/04 – 20

E-INVOIS: 66,000 PERNIAGAAN DI PLATFORM E-DAGANG

DIKENAL PASTI TIADA ATURAN BAYARAN DAN REKOD

PELAPORAN CUKAI

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa melalui pelaksanaan e-Invois, HASiL telah menerima maklumat individu dan syarikat yang menjalankan perniagaan melalui Platform e-Dagang sejak 1 Ogos 2024. Berdasarkan maklumat pengemukaan e-Invois tersebut, HASiL berjaya mengenal pasti sebanyak **66,000 perniagaan tidak mempunyai atau mematuhi bayaran ansuran anggaran cukai mengikut peruntukan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967). Semakan juga mendapati tiada rekod pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan oleh perniagaan berkenaan. Sejumlah 4 juta e-Invois telah dikeluarkan oleh 66,000 perniagaan tersebut.**

Sehubungan itu, perniagaan terlibat disarankan untuk sentiasa mengemaskini rekod cukai mereka dan memastikan pematuhan sepenuhnya bagi mengelakkan sebarang tindakan penguatkuasaan diambil oleh pihak HASiL. Dengan pelaksanaan e-Invois, HASiL memantau secara aktif data pembayar cukai yang telah disahkan dalam sistem MyInvois untuk memastikan pematuhan cukai secara sukarela dan berterusan, selaras dengan prinsip keadilan dalam sistem percukaian negara.

Sehingga 3 Mac 2025, sekitar 196 juta e-Invois telah dikeluarkan secara keseluruhan. Penyertaan pembayar cukai ini bukan sahaja melibatkan pembayar cukai fasa pertama dan kedua yang melaksanakan e-Invois mulai 1 Januari 2025, tetapi turut disertai oleh pembayar cukai fasa ketiga secara sukarela. Ini menunjukkan tahap penerimaan yang baik oleh pembayar cukai dalam mematuhi pelaksanaan e-Invois. HASiL juga ingin memaklumkan tempoh kelonggaran pembayar cukai fasa pertama telah tamat pada 31 Januari 2025 dan mereka ini perlu melaksanakan e-Invois sepenuhnya mengikut garis panduan e-Invois bermula 1 Februari 2025.

Di samping itu, HASiL turut menyediakan pelbagai saluran komunikasi bagi membolehkan pembayar cukai mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan pelaksanaan e-Invois. Pembayar cukai disarankan untuk menghubungi **saluran khas e-Invois** yang disediakan oleh HASiL bagi mendapatkan bantuan khidmat nasihat pelaksanaan e-Invois melalui pelbagai saluran yang disediakan berikut:

- a. Meja Bantuan e-Invois HASiL di talian 03-8682 8000 (talian 24 jam);
- b. MyInvois *Live Chat*;
- c. E-mel myinvois@hasil.gov.my bagi pertanyaan umum e-Invois; dan
- d. Borang Maklum Balas Pelanggan MyInvois di pautan

<https://feedback.myinvois.hasil.gov.my>.

Pembayar cukai juga boleh mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan pelaksanaan e-Invois dengan mengunjungi Pejabat HASiL yang berdekatan.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

RISE **BEYOND** LIMITS

Dikeluarkan oleh:

**Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 4 Mac 2025